



## KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	: KOSMO	MUKA SURAT	: 18
TARIKH	: 12/7/2018		
JABATAN	: PERHILITAN		
KLASIFIKASI	: <b>PERHATIAN</b>		

# Dua beranak warga Thailand miliki kura-kura dijel



CANTHI (kanan) dan Pipop (dua dari kanan) dibawa keluar dari Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu selepas mengaku bersalah memiliki 13 utas jerat dawai dan dua ekor kura-kura spesies duri bukit tanpa kebenaran semalam.

**KUALA TERENGGANU** - Dua beranak warga Thailand dijatuhi hukuman penjara dua tahun oleh Mahkamah Sesyen Kuala Terengganu di sini semalam bagi setiap pertuduhan iaitu memiliki 13 utas jerat dawai dan dua ekor kura-kura spesies duri bukit tanpa kebenaran.

Hakim Tuan Azman Mustapha menjatuhkan hukuman itu selepas tertuduh, Canthi Cantupa, 44, dan anak lelakinya Pipop Cantupa, 18, mengaku bersalah selepas pertuduhan dibacakan dalam bahasa Thailand.

Kedua-dua tertuduh diarah men-

jalani hukuman serentak bermula dari tarikh tangkap pada 21 Jun lalu.

Mengikut pertuduhan pertama, dua beranak itu didakwa menyimpan 13 utas jerat dawai di Hutan Simpan Jengai, Dungun kira-kira pukul 4.30 petang pada 21 Jun lalu.

Bagi pertuduhan kedua, mereka didakwa menyimpan dua ekor kura-kura spesies duri bukit tanpa permit khas.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 29(1)(a) dan Seksyen 68(1)(a) Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 (Akta 716) yang memperuntukkan denda sehingga RM100,000



**KURA-KURA spesies duri bukit.** - Gambar hiasan

atau hukuman penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.